



## Tahniah Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas Menteri NRE



Pilihanraya ke-12 menyaksikan arus perubahan politik yang besar melanda Malaysia. Sejarar dengan itu, Barisan Kabinet yang kukuh dan mantap telah dipilih oleh Y.A.B Perdana Menteri. Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas, ahli Parlimen Betong, Sarawak telah dilantik secara rasminya untuk memegang portfolio sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menggantikan Dato' Seri Azmi Khalid.

Karier politik beliau bermula seawal tahun 1977 apabila beliau menjawat jawatan sebagai Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak. Sekitar tahun 1990 hinggalah 1995 beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian Luar Bandar (1995-1999). Perkembangan karier beliau dalam politik terus meningkat apabila dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2000-Jun 2003) dan sebelum dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar beliau merupakan Timbalan Menteri di Kementerian Pengangkutan.

Warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengucapkan selamat datang dan berjanji akan memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama terhadap kepimpinan Y.B. Menteri.

### Menarik di Dalam

- **Temubual Eksklusif Bersama Menteri**
- **Alam Sekitar dan Media**
- **Pelaksanaan Inisiatif Heart of Borneo (HoB)**
- **Penggubalan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam**
- **Jom Jaga Alam**
- **Mek Bunga Tarikan Baru Muzium Zoologi IBD**
- **Majlis Perasmian IYOR 2008-Malaysian Chapter**



## Selamat Datang

### Y.B. SENATOR DATO' MAZNAH MAZLAN TIMBALAN MENTERI NRE

Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan merupakan anak jati Pahang yang dilahirkan di Tanah Rata, Cameron Highlands. Beliau pernah berkhidmat selama 18 tahun di Badan Berkanun iaitu di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan jawatan beliau yang terakhir ialah Pengarah Bahagian Penyelarasan dan Pengesanan. Pada tahun 1985 sehinggalah 1990 beliau telah dipinjam khas dari DARA ke Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan bertugas sebagai Setiausaha Bahagian Pembangunan Sosial Institusi. Kerjaya politik beliau bermula pada bulan Mei 1995 dengan memegang jawatan sebagai Ahli Dewan

Undangan Negeri bagi kawasan Muadzam Shah (N37). Sebagai Exco Kerajaan Negeri, beliau memegang portfolio sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Pahang. Pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar merupakan satu anjakan dalam karier politik beliau selepas diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Datuk Ghapur Salleh.

Warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengucapkan setinggi tahniah dan mengalu-alukan kedatangan Y.B. Senator Dato' Maznah Mazlan.





Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya amat syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia dari-Nya jualah dapat saya rakamkan sedikit amanat dalam Buletin NRE kali ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih diatas kerjasama semua pihak yang terlibat dengan penerbitan Buletin NRE kerana usaha dan komitmen dari semua pihak pastinya amat mustahak didalam menjayakan penerbitan ini.

Mac 2008, telah menyaksikan perubahan dalam Barisan Kabinet 2008. Justeru, saya bagi pihak warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.B Datuk Douglas Uggah Embas di atas pelantikan beliau sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya menyeru seluruh warga kementerian beserta jabatan dan agensi akan memberikan sokongan yang padu terhadap pucuk pimpinan yang baru demi menjayakan misi dan visi NRE.

Menyentuh mengenai prestasi di sepanjang tahun 2008, antara yang perlu ditekankan ialah prestasi perbelanjaan iaitu kecenderungan perbelanjaan yang dibuat pada saat-saat akhir perlu diubah kerana pelaksanaan projek dan juga perolehan perlu sentiasa up-date agar tidak berlaku masalah kelewatan dan sebagainya. Namun ketelitian perlu sentiasa dipastikan untuk mengelakkan sebarang masalah melibatkan perbelanjaan dikemudian hari.

Apa yang paling mustahak juga dalam tahun ini ialah dari segi komitmen terhadap peningkatan prestasi dalam perkhidmatan awam. Ia turut diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Dalam mesyuarat Khas Pemantauan Projek RMK 9 Bil. 1/2008, Tan Sri KSN telah menyarankan supaya tiap-tiap anggota perkhidmatan awam mengambil perhatian serius terhadap penggunaan e-mail masing-masing. Setiap e-mail yang diterima hendaklah dibaca dan dijawab segera. Sekiranya maklum balas segera tidak dapat dikemukakan, e-mail tersebut hendaklah diperakukan penerimanya.

Berdasarkan kepada prinsip 'No Wrong Door' pula, setiap anggota perkhidmatan awam hendaklah mengendalikan setiap e-mail yang diterima walaupun kandungannya tidak berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. E-mail tersebut hendaklah disalurkan segera kepada individu yang bertanggungjawab agar ianya dapat diselesaikan dengan pantas. Prinsip 'No Wrong Door' dijangka akan menyumbang kearah peningkatan prestasi perkhidmatan awam.

Akhir kata, suka saya menyarankan kepada semua warga NRE supaya sama-sama memperbaharui tekad dan azam untuk bersama-sama memberi sokongan, kerjasama dan komitmen yang tinggi untuk bersama-sama dengan pimpinan tertinggi kementerian yang baru dalam usaha untuk merealisasikan Misi Nasional.

Selamat menjalankan tugas,

**Y.Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

## SIDANG PENGARANG BULETIN NRE 1/2008

### **Penaung**

Y. Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

### **Sidang Redaksi Ketua Pengarang**

Dr. Amerjit Singh A/L S. Bhag Singh

### **Pengarang**

En. Sait Haji Yaman  
Cik Nor Azean Hasan  
Cik Mazita Yaakob

### **Jurufoto**

En. Mohd Azhar Mokhtar  
En. Mohamad Haidhir Hamzah

Pihak Sidang Redaksi Buletin NRE mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan/artikel/komen daripada warga NRE. Sila kemukakan kepada :

### **Sidang Redaksi Buletin NRE**

Seksyen Perhubungan Awam  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Aras 15, No. 25 Persiaran Perdana  
Wisma Sumber Asli Presint 4  
62574 Putrajaya.  
e-mel : norazean@nre.gov.my  
Tel : 03-8886 1586 Faks : 03-8889 4763

### **Rekabentuk :**

**KAB Communication Sdn. Bhd.**

Tel : 03-8890 2387 Faks : 03-8890 3387

*Renungan Sejenak*

**After climbing the great hill, one only finds  
that there are many more hills to climb.**

**Setelah mendaki gunung yang tinggi,  
kita dapati sebenarnya masih banyak lagi  
gunung untuk didaki**

**- Nelson Mandela**

# Majlis Perasmian Taman Negara Pulau Pinang



*TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang menandatangani plak sempena perasmian Taman Negara Pulau Pinang (Taman Negara Pulau Pinang).*

**Teluk Bahang, Pulau Pinang:** Jabatan Perhilitan telah menganjurkan Majlis Perasmian Taman Negara Pulau Pinang (TNPP) bertempat di Teluk Bahang. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 5 Januari 2008 yang lalu. Antara yang hadir memeriahkan sambutan ini ialah Y.B Datuk Seri Azmi Khalid, mantan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Y.B Datuk Seri Koh Tsu Kon, mantan Ketua Menteri Pulau Pinang. Penubuhan Taman Negara Pulau Pinang ialah untuk memelihara dan melindungi hidupan liar, hidupan laut, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan. Selain itu, pemuliharaan dan penggunaannya juga adalah untuk nilai-nilai pendidikan, kesihatan, estetik dan rekreasi untuk orang ramai. Majlis ini telah menarik kehadiran seramai 300 orang untuk turut serta. Antara aktiviti telah dijalankan ialah *Bird Race*, *Nature Race* dan Pertandingan Mewarna & Melukis.




## Fakta Mengenai Taman Negara Pulau Pinang

- Mempunyai keluasan sebanyak 2 562.963 hektar meliputi 1 181.949 hektar (daratan) dan 1 381.014 hektar (laut)
- Taman Negara pertama diwujudkan di Malaysia mengikut Akta Taman Negara 1980
- Terdapat dua pintu masuk utama iaitu Teluk Bahang dan Kuala Sungai Pinang
- Diurus sepenuhnya oleh Jabatan Perhilitan selepas diwartakan pada 10 April 2003
- Dipercayai sebagai taman negara yang terkecil di dunia
- Mempunyai 1 000 spesis flora dan 190 fauna
- Dikenali juga sebagai *Bay of Glowing Amber* kerana keunikan pemandangan waktu senjanya yang pelbagai
- TNPP terdiri daripada Hutan Pamah Dipterokap, Hutan Bukit Dipterokap, Hutan Paya Bakau, Pantai Berpasir dan Tasik Meteorimik (air tasik separa campuran air laut dan air tawar)

# Majlis Pelancaran

## Tahun Terumbu Karang Antarabangsa 2008 International Year Of Reef (IYOR) 2008 - Malaysian Chapter

Kuala Lumpur, 23 Februari : Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dengan tagline - "Terumbu KITA, Warisan KITA, Tanggungjawab KITA", telah melancarkan Majlis Pelancaran IYOR 2008 bertempat di Plaza One Utama, Damansara. Majlis ini dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Majlis ini turut disertai aktris terkenal Maya Karin, selaku Duta bagi mempromosikan Tahun terumbu Karang 2008. Objektif kempen ini adalah untuk memberi kesedaran dan serta mendidik masyarakat mengenai kehidupan marin yang menghadapi cabaran dan ancaman akibat pembangunan serta aktiviti manusia. Program yang berlangsung sejak 20 hingga 24 Februari ini menarik minat pelajar dan masyarakat setempat. Antara program bakal dilaksanakan sempena kempen IYOR 2008 ialah *Terengganu Shutterbug-go green*, Pertandingan Fotografi Dasar Laut dan Fiesta Laut.



1. Datuk Suboh Mohd Yassin, dalam sesi sidang Media bersama Ketua Seksyen Perancang dan Korporat JTLM, Abd Rahim Gor Rahman (kanan) dan Maya Karin (kiri).
2. Duta Muhibbah IYOR 2008, Maya Karin menandatangani Ikrar IYOR 2008
3. Maya Karin dan Datuk Suboh Mohd Yassin mewarna kanvas sempena IYOR 08
4. Datuk Suboh Mohd Yassin, menerima cenderahati dari JTLM disampaikan oleh En Ab Rahim Gor Yaman

## • JKPTG ANJUR SEMINAR CHANGE MANAGEMENT PROGRAMME •

Tarikh : 21 Februari 2008

Tempat : Hotel Grand Bluewave, Shah Alam

Sistem e-JKPTG merupakan projek pembangunan dalam JKPTG. Dalam merealisasikan projek ini, satu seminar bertajuk Change Management telah dilaksanakan sebagai persediaan menggunakan sistem tersebut. Antaranya ialah pembentangan kertas kerja "Pelaksanaan Sistem JKPTG" oleh HLA Integrated Sdn Bhd dan "Menangani Perubahan: ICT Sebagai Budaya Kerja Program" oleh Puan Gayah Ghulam Haidar (MDEC) dan sesi perbincangan panel yang bertajuk "ICT Di dalam Pentadbiran Kerajaan: Pelaksanaan dan Impak Terhadap Jabatan dan Pengguna" panel yang terlibat diantaranya ialah wakil Jabatan Imgeresen, wakil Jabatan Pendaftaran Negara dan Pengarah Seksyen Pembahagian

Pusaka Kecil. Sistem e- JKPTG mempunyai tujuh subsistem utama iaitu Sistem Harta Tanah Persekutuan (SHTP), Sistem Pengambilan Tanah (SPT), Sistem Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan (SPHP), Sistem Pembahagian Pusaka Kecil (SPPK), Sistem Pengurusan Fail (SPF) dan Sistem Pengurusan Dokumen Teks (SPDT). Skop e-JKPTG terbahagi kepada 3 perkara iaitu bagi mewujudkan data/rekod tanah persekutuan yang tepat dan terkini, meningkatkan sistem penyampaian urusan tanah kepada rakyat dengan lebih baik serta mewujudkan sistem e-JKPTG dengan mengelektronikkan Sistem Maklumat Bersepadu.



# Majlis Pelancaran Sambutan Tahun Antarabangsa Planet Bumi (IYPE) Malaysia 2008

**Majlis Pelancaran IYPE** telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 14 Januari 2008 di KLCC. Pelancaran ini telah dijayakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), dan Petronas. Serentak dengan itu, Y.B Menteri telah juga merasmikan Persidangan dan Pameran Petroleum Geologi (PGCE) 2008. Seramai lebih daripada 1500 peserta terdiri daripada jabatan/agensi kerajaan, pihak swasta, orang awam dan pelajar IPT serta sekolah telah hadir dalam majlis pelancaran tersebut. Bertemakan "Sains Bumi Untuk Masyarakat" IYPE bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang bagaimana sains bumi boleh membantu menjadikan planet bumi sebagai sebuah tempat yang sihat dan makmur. IYPE dilaksanakan bagi mencapai tujuan berikut :

- Mengurangkan bahaya kepada masyarakat dari bencana semula jadi dan dari hasil kegiatan/perbuatan manusia
- Mengurangkan masalah kesihatan dengan lebih memahami aspek-aspek kesihatan sains bumi
- Meneroka sumber semulajadi dan menggunakannya secara mampan
- Membina dan mengembang kawasan bandar dengan kaedah yang selamat dengan menggunakan sepenuhnya keadaan alam semulajadi
- Menentukan faktor bukan kegiatan manusia dalam perubahan cuaca
- Mengembangkan pemahaman kejadian bahan sumber asli supaya ketegangan politik dapat dikurangkan
- Mengesan sumber air tanah yang dalam dan sukar ditembusi/dicapai
- Memperbaiki pemahaman terhadap evolusi kehidupan
- Menambah minat sains bumi dikalangan masyarakat
- Menggalakan minat remaja untuk mengambil jurusan sains bumi di universiti



*Y.B. Dato' Seri Azmi Khalid dalam sesi Sidang Media bersama TKSU I NRE Datuk Fatimah Raya Nasron (Kanan), Ketua Pengarah JMG, Datuk Yunus Abdul Razak dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Persidangan Pameran Geologi Petroleum, Idris Ibrahim (Kiri)*



*Dato' Seri Azmi Khalid mendengar penerangan petugas mengenai kenderaan mesra alam "Segway" milik petrosains sewaktu sesi lawatan di Dewan Pameran.*

## PENGGUBALAN AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2007

- Rang Undang-undang (RUU) Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2007 telah digubal dan dibentangkan di Mesyuarat Kabinet Jemaah Menteri Pada 10 Oktober 2007
- RUU tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 19 Disember 2007 dan Dewan Negara pada 24 Disember 2007
- Pada 5 Februari 2008, Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2007 telah diperkenankan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong
- Akta tersebut akan diwartakan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk pelaksanaannya. Beberapa peraturan akan digubal sebagai panduan untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta tersebut dengan lebih cekap lagi.
- Penggubalan Akta ini bukan sahaja sebagai untuk memenuhi tanggungjawab di bawah Konvensyen CITES malah adalah penting bagi melindungi sumber biodiversiti negara yang amat bernilai daripada dieksploitasi secara keterlaluan.
- Akta ini juga penting bagi menyelaras pelbagai agensi yang terlibat dalam perdagangan spesies flora dan fauna yang dilindungi serta mewujudkan satu sistem pentadbiran untuk memantau dan mengawal aktiviti komersial berkaitan dengan lebih sistematik, terancang dan tersusun.





7<sup>th</sup>

## Meeting of the Working Group

On A Pan ASEAN Timber Certification Initiative

Mesyuarat membincangkan usaha-usaha berkaitan pensijilan kayu di peringkat Negara-negara ASEAN telah diadakan pada 2 hingga 3 April 2008, di Nay Pyi Taw, Myanmar. Nay Pyi Taw adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan Myanmar baru sebelum ini dipusatkan di Yangon. Kumpulan kerja untuk inisiatif pensijilan kayu ini adalah salah satu kumpulan kerja di bawah ASOF (ASEAN Senior Officials on Forestry). Tujuh delegasi mewakili Kerajaan Malaysia, diketuai oleh Encik Chew Lye Teng, Ketua

Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC), enam pegawai lagi yang masing-masing daripada NRE, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation dan juga seorang lagi wakil dari MTCC. Mesyuarat ini adalah atas usaha Kerajaan Malaysia sebagai lead country ke arah mewujudkan "A Regional Reference Framework on Phased Approach to Forest Certification".

## Majlis Serah Tugas kepada YB Datuk Douglas Uggah Embas Menteri Baru Sumber Asli Dan Alam Sekitar



**Putrajaya, 24 Mac** - Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas telah menerima Nota Serah Tugas daripada mantan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.B Dato' Seri Azmi Khalid. Majlis Serah tugas yang diadakan bertempat di Tingkat 17, Bilik Mesyuarat Berlian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha NRE, Datuk Suboh Mohd Yassin serta pegawai-pegawai kanan di kementerian. Dalam ucapannya, Y.B. Datuk Douglas menyentuh mengenai matlamat beliau untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu alam sekitar dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian dan tadbir urus di NRE.

## Mesyuarat Khas Lima Negara Asean


Bagi Menangani Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan Kali Keempat



### Kerjasama antara negara Asean ...

*Dari kiri : Tim. Setiausaha Tetap Sumber Asli Dan Alam Sekitar Thailand, Somchai Pienstaporn, Menteri Alam Sekitar dan Pengurusan Air Singapura, Dr. Yaacob Ibrahim, Menteri Alam Sekitar Indonesia, Rachmat Witoelar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Datuk Douglas Unggah Embas, Dan Menteri Pembangunan Brunei, Dato Seri Setia Awang Hj. Abdullah Bakar selepas tamat Mesyuarat Khas Lima Negara Bagi Menangani Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan Kali Keempat.*

Mesyuarat khas ini telah diadakan di IOI Marriot Putrajaya, pada 8 April 2008. diwakili oleh lima negara yang terlibat iaitu Malaysia, Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia telah menjadi penganjur bagi mesyuarat yang diadakan pada kali ini. Manakala mesyuarat seterusnya akan berlangsung pada bulan Jun di Singapura. Antara yang menarik ialah Indonesia dijangka akan menandatangani Perjanjian Pencemaran Jerebu Melepassi Sempadan Jun ini sekaligus memudahkan langkah negara Asean melaksanakan langkah bersepadu bagi menangani masalah tersebut. Perjanjian tersebut bertujuan untuk menangani masalah jerebu yang melepasi sempadan.



*Sesi sidang Media KSU NRE, turut hadir, bersama Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Razak Mohd Ali*



*Datuk Suboh Mohd Yassin melancarkan buku yang bertajuk "Orchids of Peat Swamp Forests in Peninsular Malaysia"*

## Majlis Pelancaran

### Simposium Hutan Paya Gambut 2008 : NRE Perkenal Projek Urus Hutan Paya Gambut

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan simposium mengenai Hutan Paya Gambut dan bertemakan Towards Enhancement Of Knowledge-Based Decision Making In The Conservation And Management Of Natural Resources. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Majlis yang bertempat di Crowne Plaza Mutiara Hotel Kuala Lumpur pada 11 Mac 2008. Simposium ini memperkenalkan Projek Pengurusan Hutan Paya Gambut sebagai garis panduan kepada kerajaan negeri menguruskan kawasan tersebut dengan lebih terancang. Ini bertujuan membantu proses memulihara 1.54

juta hektar kawasan hutan paya gambut di seluruh negara. Projek ini juga, menggalak dan mengekalkan fungsi hutan paya gambut sebagai ejen mengurangkan kesan pemanasan global serta perubahan iklim. Selain itu, Datuk Suboh juga turut berkesempatan untuk melancarkan buku yang bertajuk Orchids Of Peat Swamp Forests In Peninsular Malaysia. Simposium ini merupakan kerjasama diantara NRE, UNDP/GEF, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak dan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah.



YB Datuk Douglas menandatangani Buku Lawatan Rasmi sempena Hari Bertemu Pelanggan NRE



# Program Hari Bertemu Pelanggan NRE Bersama JKPTG dan JAS



Pelajar dari SMKU Hamidiah antara yang hadir Pelanggan NRE memeriahkan lagi sambutan Hari Bertemu Pelanggan Pelanggan.

**Putrajaya, 1 April** - Sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat umum dan kumpulan sasar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP). Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah tanah dan Galian (JKPTG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertempat di Dewan Marjan, NRE. Pada kali ini HBP dimeriahkan dengan Kempen Derma Darah dan aktiviti gerai jualan Puspanita NRE. Manakala, hampir 150 orang pelanggan yang terdiri daripada pelajar, kakitangan kerajaan dan orang awam telah hadir pada siri ini. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Datuk Douglas Uggah Embas telah meluangkan masa beliau untuk menghadiri melawat kaunter-kaunter yang dibuka sepanjang HBP berlangsung.





# MESYUARAT PERANCANGAN PELAKSANAAN

## Information Strategic Planning (ISP) NRE 2008 - 2010



Tekun mendengar perutusan daripada Y.Bhg TKSU II

Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan Mesyuarat Perancangan Pelaksanaan ISP NRE Langkawi, pada 20 hingga 22 Februari, bertempat di Awana Porto Malai, Langkawi. Seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada NRE dan jabatan/agensi bawah NRE telah menghadiri mesyuarat ini. Antara objektif utama mesyuarat ialah melihat semula dan memperincikan ISP NRE dan jabatan/agensi yang telah dihasilkan bagi

sepanjang tempoh 2008 hingga 2010, memastikan hala tuju ISP NRE dan jabatan/agensi selaras dengan keperluan dan kehendak semasa dan merancang pelaksanaan berkaiatan ICT selaras dengan matlamat jangka pendek dan jangka panjang seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik NRE. Mesyuarat ini dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Hj. Azmi Che Mat, Timbalan Ketua Setiausaha II NRE.

## Pelaksanaan Inisiatif Heart Of Borneo (HOB)

### Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Inisiatif HoB

Kumpulan Kerja Pakar Inisiatif HoB di peringkat nasional telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, NRE. Keanggotaannya terdiri daripada pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri Sabah dan Sarawak serta NGO. Di peringkat negeri Sabah dan Sarawak, Jawatankuasa Pemandu Projek HoB juga telah ditubuhkan dan masing-masingnya dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. Kumpulan Kerja Pakar Inisiatif HoB telah mengadakan mesyuarat ke-4 pada 28-30 Januari 2008 di Miri, Sarawak. Bersempena dengan mesyuarat tersebut juga, ahli mesyuarat telah berpeluang mengadakan lawatan kerja ke Taman Negara Mulu.



### Mesyuarat Tiga Hala Kedua Inisiatif HoB

Kerajaan Indonesia telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Tiga Hala Kedua Inisiatif HoB pada 4-6 April 2008 di Pontianak, Kalimantan, Indonesia. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Y.Bhg. Datu Haji Len Talif Salleh, Pengarah Hutan Sarawak. Mesyuarat tersebut, antara lain, telah membincangkan mengenai Strategic Plan of Actions on HoB Initiative. Pada tahun 2009, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Tiga Hala Ketiga Inisiatif HoB.



Delegasi-delegasi dari Malaysia, Brunei dan Indonesia yang menghadiri mesyuarat di Pontianak, Kalimantan, Indonesia.



Ketua Delegasi dari Malaysia, Indonesia dan Brunei pada perasmian mesyuarat Tiga Hala Kedua Inisiatif Heart of Borneo di Pontianak, Indonesia.

# Lawatan Kerja Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas,

Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar Ke Jabatan/Agensi Di Bawah NRE

**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** *Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur*

Tarikh : 27 Mac 2008 Masa : 9.00 pagi

- 1 Sesi Sidang Media bersama Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas, turut kelihatan KSU NRE, Datuk Suboh Mohd Yassin (kiri) dan Ketua Pengarah JPS Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini Sulaiman (kanan)
- 2 Sesi taklimat kawalan trafik di dalam terowong SMART di Pusat Kawalan Trafik SMART (Motorway Control Center - MCC), Jalan Davis, Kuala Lumpur.



**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)** *Wisma Sumber Asli, Putrajaya*

Tarikh : 1 April 2008 Masa : 9.00 pagi

- 1 Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Zool Azha Yusof mengiringi Y.B. Menteri ke JKPTG
- 2 Y.B. Datuk Douglas sempat meluangkan masa melawat program Derma Darah, anjuran JKPTG pada hari yang sama bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli, NRE, Putrajaya



**Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** *Jalan Semarak, Kuala Lumpur*

Tarikh : 3 April 2008 Masa : 9.00 pagi

- 1 Ketibaan Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) di sambut oleh Datuk Hamid Ali, Ketua Pengarah JUPEM
- 2 Y.B. Menteri turut mengambil peluang untuk menyaksikan kerja-kerja suntingan pemetaan yang dilaksanakan oleh pegawai JUPEM.



**Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM)** *Kepong, Kuala Lumpur*

Tarikh : 10 April 2008 Masa : 9.15 pagi

- 1 Pegawai FRIM memberi penerangan dalam makmal penyelidikan FRIM
- 2 Y.B. Menteri menerima cenderahati dari pihak FRIM



**Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)** *Wisma Sumber Asli, Putrajaya*

Tarikh : 15 April 2008 Masa : 9.00 pagi

- 1 Pegawai JTLM tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Y.B. Datuk Douglas.
- 2 Istimewa.... Pengarah Jabatan Taman Laut, Tn. Hj. Jamal Mydin menyampaikan cenderahati kepada Y.B. menteri sebagai tanda kenangan





**Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)** *Seri Kembangan*

Tarikh : 16 April 2008 Masa : 2.30 petang



- 1 **Ketibaan Menteri NRE disambut meriah oleh warga NAHRIM**
- 2 **Sesi Lawatan ke setiap bahagian dan makmal di NAHRIM. Turut kelihatan Ketua Pengarah NAHRIM, Dr. Salmah Zakaria (kiri)**

**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)** *Cheras, K.Lumpur*

Tarikh : 17 April 2008 Masa : 9.30 pagi



- 1 **Y.B. Menteri bersalaman dengan Pegawai Hidupan Liar PERHILITAN dengan diiringi Ketua Pengarah PERHILITAN, Abd. Rashid Shamsuddin**
- 2 **Sesi lawatan ke Gerai Pameran PERHILITAN**

**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)** *Jalan Sultan Salahuddin, K. Lumpur*

Tarikh : 17 April 2008 Masa : 2.30 petang



- 1 **Y.B. Menteri sedang mendengar penerangan dari pegawai JPSM sewaktu sesi lawatan sekitar Jabatan**
- 2 **Ketua Pengarah JPSM, Datuk Azahar Muda menyampaikan tanda kenangan kepada Y.B. Menteri**

**Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** *Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur*

Tarikh : 18 April 2008 Masa : 9.00 pagi



- 1 **Y.B. Datuk Douglas menyampaikan amanat kepada warga JMG bersama Ketua Pengarah JMG, Datuk Hj. Yunus Abdul Razak.**
- 2 **Ketua Pengarah JMG, menyampaikan taklimat kepada Y.B. menteri.**

**Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)** *Behrang, Perak*

Tarikh : 21 April 2008 Masa : 9.00 pagi



- 1 **Pengarah INSTUN, Tn. Hj. Zainal Abidin Arshad memberi penerangan mengenai projek pembangunan INSTUN kepada Y.B. Datuk Douglas.**
- 2 **Warga INSTUN mengambil peluang bergambar bersama Y.B. Menteri**

# Temubual Eksklusif

## Bersama Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar.

**Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada Datuk sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang baru. Apakah reaksi pertama Datuk apabila Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pelantikan tersebut?**

Y.B. Datuk Douglas :Terima kasih. Apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan pelantikan saya sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar saya agak terkejut pada mulanya. Saya tidak menyangka diberi peluang menganggotai Barisan Kabinet pada kali ini. Namun saya berterima kasih di atas kepercayaan dan keyakinan beliau terhadap saya terutamanya bagi menerajui sebuah kementerian yang besar seperti NRE.

**Apakah tugas utama Y.B. Datuk sebaik sahaja mengetuai NRE?**

Y.B. Datuk Douglas : NRE merupakan sebuah kementerian yang cukup besar yang mempunyai sebanyak 11 jabatan dan agensi dibawahnya. Maka adalah tugas saya untuk memahami visi dan misi kementerian. Selepas itu jelaslah ke mana hala tuju saya hendak memimpin arah NRE supaya visinya tercapai. Pada saya, NRE telah mempunyai perancangan yang cukup baik melalui Pelan Strategik menuju 2020, perkara yang terpenting ialah pada masa ini ialah melaksanakan pelan tersebut supaya visi dan misi kementerian tercapai. Pelaksanaan pelan ini juga perlu dilakukan secara lebih cekap dan mantap. Kita juga perlu bersedia untuk berhadapan dengan *international issues* yang mungkin mempengaruhi perancangan kita dalam masa akan datang.

**Setelah mendengar taklimat-taklimat yang disampaikan oleh NRE, Jabatan/Agensi bagaimanakah tanggapan Y.B. Datuk terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh NRE dalam konteks pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar hari ini?**

Y.B. Datuk Douglas : Pertamanya, selepas mendengar taklimat dan menganalisis saya mendapati NRE merupakan sebuah kementerian yang mencabar. Kementerian ini memikul tanggungjawab berat terutamanya dalam menguruskan sumber asli dan memulihara alam sekitar secara lestari. Bagaimanapun saya yakin dengan Pelan Strategik NRE yang menunjukkan hala tuju NRE adalah jelas. Cuma apa yang diperlukan ialah memastikan pelan tersebut dilaksanakan dengan cekap dan beramamah.

**Apakah rancangan Y.B. Datuk untuk masa depan NRE.**

Y.B. Datuk Douglas : Saya akan meneruskan usaha untuk melaksanakan Pelan Strategik NRE menuju 2020. Justeru, keutamaan saya adalah mempertingkatkan kapasiti sistem penyampaian di kementerian. NRE sedang dan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Maka tugas warga NRE adalah untuk menentukan bahawa NRE mampu berhadapan dengan apa jua cabaran ke arah pencapaian visi NRE pada masa akan datang. Kita memikul harapan kerajaan untuk menjadi sebuah *World Class Ministry*. Sebagai sebuah kementerian yang terlibat beberapa jawatankuasa yang bertaraf antarabangsa, NRE akan teruskan memainkan peranan yang aktif dalam masalah antarabangsa.

**Meningkatkan *public awareness* masyarakat terhadap isu alam sekitar merupakan satu cabaran buat NRE. Apakah perancangan Y.B. Datuk bagi menjadikan cabaran ini sebagai usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian di Kementerian?**

Y.B. Datuk Douglas : Di antara program yang diberi tumpuan penting ialah *public awareness programme*. Tujuan program ini adalah untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya peranan mereka dalam usaha untuk memulihara alam sekitar. Usaha kerajaan tidak akan mencapai matlamat sekiranya tiada penglibatan masyarakat termasuklah NGO.



Maka program yang akan diberi keutamaan dan dipergiatkan adalah kempen kesedaran awam. Saya berharap berbagai program dan aktiviti termasuk yang menggunakan media elektronik akan dijalankan pada masa terdekat. Matlamat utama adalah untuk mentransformasikan budaya dan amalan hidup masyarakat secara sukarela sehingga mereka bersedia melibatkan diri dalam usaha memulihara dan memelihara alam sekitar.



**Y.B. Datuk Douglas bersama dengan Ketua Setiausaha NRE, Datuk Suboh sewaktu lawatan pertama beliau ke NRE pada 19 Mac lalu**



## Bekerja Sebagai Satu Pasukan

”... kita perlu bekerja sebagai satu pasukan. Ini kerana NRE berhadapan pelbagai rintangan dan cabaran. Kita perlu mengembleng tenaga kerja yang ada dan mencari jalan menyelesaikan masalah dan menjayakan visi dan misi kementerian. Perlu diingat, sebagai kementerian yang besar aspek penyelarasan dan kerjasama adalah penting bagi mewujudkan perkhidmatan yang cekap, cepat dan berkualiti tinggi. Budaya kerja ini perlu ada pada setiap warga NRE dan semua jabatan dan agensi untuk mencapai visi dan misinya...”



### Amanat Y.B. Datuk kepada semua warga NRE?

Y.B. Datuk Douglas : Apa yang penting ialah kita perlu bekerja sebagai satu pasukan. Ini kerana NRE berhadapan pelbagai rintangan dan cabaran. Kita perlu mengembleng tenaga kerja yang ada dan mencari jalan menyelesaikan masalah dan menjayakan visi dan misi kementerian. Perlu diingat, sebagai kementerian yang besar aspek penyelarasan dan kerjasama adalah penting bagi mewujudkan perkhidmatan yang cekap, cepat dan berkualiti tinggi. Budaya kerja ini perlu ada pada setiap warga NRE dan semua jabatan dan agensi untuk mencapai visi dan misinya. *Work as a team. Unity and team work is the name of the game in any field of human endeavour. I believe that the best result are obtained when people work together in harmony and with the deep commitment to another as well as to the organization.*



# Bengkel

## “WORKING GROUP ON VULNERABILITY, SECOND NATIONAL COMMUNICATION (NC2)”

Genting Highlands, 28 Jan - Y.Bhg. Datuk Fatimah Raya Nason, Timbalan Ketua Setiausaha I, NRE, telah merasmikan Bengkel “Working Group on Vulnerability, Second National Communication (NC2) bertempat Awana Genting Highlands Golf and Country Resort, Pahang. Bengkel ini bertujuan untuk membenteng dan mengemaskini status kemajuan dan perancangan kerja bagi Kumpulan Kerja Penjejasan dan Pengubahsuaian (WG2 V&A), Kumpulan Kerja Inventori Gas Rumah Hijau (WG1) dan Kumpulan Kerja Mitigasi (WG3). Seramai 65 orang peserta telah mengambil bahagian dan 15 kertas kerja telah dibentangkan dalam bengkel ini.



Y.Bhg. Datuk Fatimah Raya Nason merasmikan Bengkel “Working Group on Vulnerability, Second National Communication (NC2)” di Awana Genting

## BENKEL PEMBINAAN KAPASITI DAN PERTUKARAN PENGALAMAN DALAM PENILAIAN DAN PENGURUSAN RISIKO BERKAITAN ORGANISMA YANG DIUBAHSUAI SECARA GENETIK PERINGKAT ASIA 2008

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi telah menganjurkan Bengkel Pembinaan Kapasiti dan Pertukaran Pengalaman dalam Penilaian Dan Pengurusan Risiko Berkaitan Organisma Yang Diubahsuai Secara Genetik Peringkat Asia 2008. Bengkel yang berlangsung selama dua hari (7 hingga 9 April), telah dirasmikan oleh Y.B Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Seramai 41 orang delegasi dari 21 buah negara yang terdiri daripada pembuat dasar, saintis dan pihak penguatkuasa yang terlibat dalam penilaian dan pengurusan risiko berkaitan organisma yang diubahsuai secara genetik (LMOs) telah hadir dalam bengkel yang diadakan Hotel Corus, Kuala Lumpur ini. Peserta yang terlibat dalam bengkel ini berpeluang meneliti peranan dan kepentingan LMO ke alam sekitar. Bagi menjayakan bengkel ini, organisasi dalam dan luar negara turut menyumbangkan kepakaran dalam fasilitasi antaranya *Federal Environment Agency* (Austria), *International Centre for Genetic Engineering and Biotechnology* (India), *National Institute of Public Health and Environment* (Netherlands), *Universiti Kasetsart* (Thailand) *Universiti Malaya* (Malaysia) dan NRE.



## BENKEL PENYEDIAAN KERTAS NOTA JEMAAH MENTERI

Bertempat di Awana Porto Malai Hotel & Resort, Bahagian Perancangan Korporat (BPK), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Kertas Jemaah Menteri Siri 1. Bengkel yang berlangsung pada 22 hingga 25 Januari ini telah dirasmikan oleh TKSU II, NRE iaitu Y.Bhg Dato' Azmi Che Mat. Bengkel ini dihadiri oleh 23 orang pegawai daripada kementerian, jabatan dan agensi dibawah NRE. Tiga orang penceramah daripada Bahagian Kabinet, JPM telah dijemput untuk memberikan taklimat. Objektif utama bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta tentang penyediaan kertas kabinet yang lebih efektif.





## Hari Bertemu Pelanggan **JUPEM**

**HARI BERTEMU PELANGGAN JUPEM** merupakan salah satu outreach programme jabatan yang bertujuan memberi peluang kepada pengunjung mendapatkan penjelasan dan penerangan berkenaan dengan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan ini. Program itu telah diadakan pada 14 Februari 2008 bertempat di Ruang Legar, Aras Bawah, Wisma JUPEM, Jalan Semarak Kuala Lumpur, jam 8:30 pagi hingga 12:30 tengah hari.

Sasaran pengunjung atau pelanggan JUPEM antaranya ialah Juruukur Tanah Berlesen, pengamal aktiviti ukur dan pemetaan, pengamal aktiviti pembangunan, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan orang awam. Antara perkhidmatan yang disediakan sempena Hari Bertemu Pelanggan JUPEM ialah :

- Khidmat runding cara dengan rujukan terus kepada Bahagian/Seksyen/Pegawai/Unit yang berkenaan.
- Penerangan atau penyelesaian masalah yang diajukan oleh pengunjung dengan secara langsung dan cepat.
- Memberi peluang kepada orang awam untuk memberikan komen, cadangan dan teguran kepada jabatan.
- Penerangan mengenai tatacara dan prosedur bagi mendapatkan atau menggunakan produk serta perkhidmatan jabatan.
- Penerangan mengenai peranan fungsi, aktiviti-aktiviti, produk, perkhidmatan serta sumbangan jabatan.
- Pameran jabatan mengenai aktiviti-aktiviti utama serta produk, perkhidmatan serta sumbangan jabatan.
- Pembelian produk atau mendapatkan perkhidmatan secara terus.

Program anjuran JUPEM ini diharapkan dapat memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan, di samping dapat membuat penambahbaikan ke atas sistem penyampaian jabatan berasaskan maklum balas dan aduan yang diterima.

## Persijilan **5S MaCGDI**

Pusat Infrastruktur Data dan Geopatial Negara (MaCGDI) telah berjaya mendapat persijilan 5S daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia. Program pelaksanaan 5s dimulakan sejak Januari 2007 di MaCGDI, diasaskan oleh Jepun dan merupakan singkatan kepada sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Amalan 5S di terima pakai oleh pelbagai agensi di dunia dan terbukti berjaya meningkatkan produktiviti organisasi. Pada 4 April 2008, pihak MAMPU telah menghantar wakil untuk membuat penilaian dan menimba pengalaman dari segi strategi pelaksanaan dan cara menangani masalah. Kejayaan pelaksanaan 5S telah meletakkan MaCGDI sebagai organisasi pertama bagi sektor kerajaan yang mendapat persijilan 5S di Putrajaya.



▲ Para pegawai MAMPU bergambar kenangan semasa sesi lawatan Benchmarking 5S di MaCGDI

◀ Datuk Suboh Mohd. Yassin menyerahkan Sijil Persijilan 5S MaCGDI kepada Pengarah MaCGDI, Puan Fuziah Bt. Abu Hanifah semasa Perhimpunan Bulanan Bersama KSU.

## Kursus Latihan KEJURULATIHAN (TFT) NRE

Bertempat di Taman Negara Sg. Merapoh, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengadakan Kursus Latihan Kejurulatihan. Program yang diurusetikan oleh Seksyen Pengurusan Latihan, PSM ini telah menarik seramai 30 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada NRE, Jabatan serta agensi dibawah NRE. Majlis ini telah dirasmikan oleh En. Baba Hassan, Setiausaha BPSM. Program yang diadakan pada 12 hingga 15 Februari ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan jurulatih dalam konteks kejurulatihan agar selari dengan keperluan dalam perkhidmatan awam.



## Program Pengurusan Perubahan e-Tanah


Pasukan Projek e-Tanah, NRE telah mengadakan Program Pengurusan Perubahan (Change Management) kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Pulau Pinang dan Pejabat-Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di seluruh negeri Pulau Pinang. Program yang diadakan sebanyak dua siri ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta yang terlibat tentang kepentingan untuk berubah ke arah kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Siri pertama telah diadakan pada 2 dan 3 April 2008 di Holiday Inn, Melaka dengan seramai 20 orang peserta, manakala siri kedua telah diadakan pada 5 dan 6 April 2008 di Bayview Hotel, Langkawi dengan penyertaan seramai 40 orang. Beberapa penceramah jemputan daripada pelbagai agensi telah dijemput untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka mengenai pengurusan perubahan.



*Peserta sedang menjalankan aktiviti berkumpul*



*Peserta sedang tekun mendengar ceramah*



*Penceramah jemputan sedang menyampaikan ceramah*

## Ke Arah Penjenamaan Semula Dan Memantapkan Pengurusan Latihan : INSTUN Anjur Bengkel Persijilan MS ISO 9001:2000



*Salah seorang Ahli MS ISO 9001: 2000 menerima sijil pelantikan daripada Pengarah INSTUN, Hj. Zainal Abidin Arshad*



*Ahli MS ISO 9001:2000 bergambar bersama Pengarah INSTUN*

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengambil inisiatif bagi mengadakan Bengkel MS ISO 9001:2000 sebagai usaha ke arah memantapkan pengurusan latihan dan penjenamaan semula. Bengkel ini telah diadakan di Duta Village Beach Resort, Kuantan, Pahang pada 31 Mac hingga 4 April 2008. Seramai 21 orang pegawai INSTUN terpilih bagi menganggotai task force ke arah pensijilan MS ISO 9001:2000. Bengkel ini juga turut dihadiri oleh Pengarah dan pegawai-pegawai kanan INSTUN sebagai mewakili pihak pengurusan. Dijangka INSTUN akan dianugerahkan persijilan MS ISO 9001: 2000 menjelang akhir tahun 2008 nanti.



## JOINT MEETING OF THE SEAP - SA NETWORK OF ODS OFFICERS



Mesyuarat "SEAP And SA Network" merupakan mesyuarat tahunan bagi pegawai-pegawai yang mengendalikan bahan pemusnah ozon (ODS) di kalangan negara-negara Asian dan telah dianjurkan oleh United Nations Environment Programme (UNEP) dengan kerjasama Seksyen Perlindungan Ozon, Jabatan Alam Sekitar. Seramai 70 orang wakil daripada 24 negara termasuk Malaysia dan wakil-wakil dari NGO dan media telah menghadiri mesyuarat ini yang telah diadakan di Holiday Villa Beach Resort & Spa, Pulau Langkawi, Kedah pada 17 - 19 Mac 2008.

Perbincangan melibatkan isu pematuhan terhadap penggunaan bahan pemusnah ozon bagi setiap negara, program penghapusan penggunaan HCFC melalui pindaan undang-undang yang sedia ada, perbincangan mengenai peraturan-peraturan yang sedia ada untuk mengawal dan mengawasi penggunaan serta bekalan bahan ODS dikalangan negara-negara Asia, strategi penukaran bahan CFC MDI kepada bahan bebas CFC MDI, bahan alternatif/teknologi yang digunakan bagi menggantikan penggunaan bahan HCFC serta aktiviti-aktiviti program kesedaran yang akan dijalankan bagi tahun 2008.

Aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai penghapusan ODS akan diteruskan, dan semua peserta juga diingatkan untuk mengekalkan keseimbangan alam sekitar dengan mengambil langkah-langkah seperti mengawal suhu penyaman udara, menanam pokok-pokok dan menggunakan pencahayaan tenaga secara efisien dalam usaha untuk mengawal pelepasan karbon ke udara.

## HALF DAY TECHNICAL TALK ON CURRENT AND FUTURE CHALLENGES IN HYDROLOGY IN TROPICAL REGIONS

Seri Kembangan, 18 Feb - Program Half Day Technical Talk On Current And Future Challenges In Hydrology In Tropical Regions telah diadakan bertempat Penyelidikan NAHRIM. Antara isu yang dibincangkan adalah berkaitan air di Rantau Tropika. Dua pembentang telah membentangkan kertas kerja iaitu Prof. Stefan Uhlenbrook dan Dr. Raymond Venneker dari UNESCO-IHE, Delft, the Netherlands.



*Peserta sedang tekun mendengar pembentangan*



*Pembentang jemputan sedang menyampaikan pembentangan*

## Half Day Talk On Rainwater Harvesting : Managing Change And Challenges

Seri Kembangan, 24 Januari - Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dengan kerjasama Malaysia Water Association (MWA) telah menganjurkan program perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) antara Malaysia dan negara luar. Program yang bertempat di Mini Auditorium, NAHRIM telah

menarik seramai 50 peserta yang terdiri daripada perunding, pensyarah-pensyarah universiti, badan-badan kerajaan dan swasta telah mengambil bahagian. Antara yang pembentang kertas kerja yang hadir ialah Prof. Mooyung Han, Seoul, Korea dan Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin Shaaban dari NAHRIM.



*Pembentang kertas kerja,  
Prof. Mooyung Han, Seoul, Korea*



*Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin Shaaban,  
Pengarah Pusat Kajian Sumber Air NAHRIM  
membentangkan kertas kerja*



*Antara peserta yang hadir*

# PELAN TINDAKAN DAN PENGURUSAN TAPIR

## IBD Anjur Simposium Tapir Peringkat Asia 2008

Bertempat Institut Biodiversiti (IBD), Lanchang, Pahang telah berlangsung Simposium Tapir Peringkat Asia Pertama pada 3 hingga 5 April. Seramai 43 orang peserta daripada Indonesia, Thailand, Singapura, Belanda serta pegawai daripada Jabatan PERHILITAN terlibat dalam simposium ini. Simposium ini bertujuan untuk menilai semula dan mengemaskini pelan tindakan yang dihasilkan semasa Bengkel Tapir Antarabangsa 2003. Antara lain, bertujuan meningkatkan kerjasama antara agensi yang terlibat dalam pengurusan konservasi dan penyelidikan tapir di benua Asia dan antarabangsa. Selain itu, peserta juga dapat berkongsi maklumat serta bahan dalam penyelidikan dan pengurusan tapir. Pada hari terakhir, peserta dibawa melawat ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor yang merupakan pusat pemuliharaan hidupan liar seperti tapir.

### INFO TENTANG TAPIR

- Tapir mempunyai penglihatan yang lemah tetapi mempunyai pendengaran dan deria bau yang baik.
- Tapir Malaya adalah spesies yang terbesar dan cepat membesar berbanding tapir lain
- Tapir mencapai kematangan seksual pada sekitar usia tiga tahun dan hanya membiak pada bulan April, Mei dan Jun
- Tapir menandakan habitatnya dengan menyembur air kencing pada tumbuh-tumbuhan.
- Merupakan haiwan herbivor yang berehat selepas makan. Gemar makan sebaik matahari terbenam dan sebelum matahari terbit.
- Walaupun bergerak perlahan tetapi tapir mampu berlari laju apabila terasa diserang. Cara mempertahankan diri adalah dengan rahang yang kuat dan gigi yang tajam.
- Cara tapir berkomunikasi melalui bunyi bising dan aktif pada waktu malam



## Mengapa Anda Tidak Patut Makan Sup Sirip Ikan Yu


Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan sesi taklimat yang bertajuk "Mengapa anda tidak patut makan sup Sirip Ikan Yu" pada 12 Februari 2008 (Selasa). Program ini diadakan di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini telah dihadiri sebilangan besar warga NRE. Taklimat ini diadakan selaras dengan ikrar yang ditandatangani oleh Y.B Dato' Seri Azmi Khalid menghentikan hidangan Sup Sirip Yu dalam semua majlis rasmi NRE dan jabatan. NRE menyertai inisiatif antarabangsa ini kerana proses pemotongan sirip Ikan Yu zalim dan tidak berperikemanusiaan. Antara proses pemotongan Sirip Yu :

- Ikan yu yang hidup diangkat ke kapal
- Sirip ikan tersebut dipotong dan badan dilepaskan kembali kelaut
- Ikan tersebut akan mengambil masa yang lama untuk mati dalam kesakitan.



# What does a coral reef look like?

It was Charles Darwin who originally classified coral reefs as to their structure and morphology, and described them as follows :



- **Fringing** reefs lie near emergent land. They are fairly shallow, narrow and recently formed. They can be separated from the coast by a navigable channel (which is sometimes incorrectly termed a "lagoon").
- **Barrier reefs** are broader and lie farther away from the coast. They are separated from the coast by a stretch of water which can be up to several miles wide and several tens of metres deep. Sandy islands covered with a characteristic pattern of vegetation have sometimes formed on top of a barrier reef. The coastline of these islands is broken by passes, which have occupied the beds of former rivers.
- **Atolls** are large, ring-shaped reefs lying off the coast, with a lagoon in their middle. The emergent part of the reef is often covered with accumulated sediments and the most characteristic vegetation growing on these reefs consists of coconut trees. Atolls develop near the sea surface on underwater islands or on islands that sink, or subside.

Dipetik daripada laman web <http://www.iyor.org/reefs/default.asp>

## Info Pemanasan Global

- Tahun 1995 hingga 2006 mencatatkan suhu bumi paling panas sejak 1850 berbanding trend 100 tahun 1096 hingga tahun 2005 hanya 0.56 ke 0.92 darjah celsius dan 0.4 kepada 0.8 darjah celsius (1901 hingga 2000)
- Kenaikan paras air laut saling berhubung kait dengan pemanasan global yang meningkat sejak tahun 1961 dengan purata 1.3 ke 2.3 milimeter (mm), 1993 (2.4 ke 3.8 mm) akibat kecairan ais Kutub Utara dan Selatan.
- Data satelit sejak 1978 menunjukkan peningkatan purata kenaikan tahunan Lautan Artik sebanyak 2.1 ke 3.3 peratus dalam jangka masa sedekad disusuli kenaikan tertinggi 5.0 ke 9.8 peratus.
- Glasier dan salji gunung turut mengalami penurunan secara purata malah sejak 5 dekad lalu, suhu sejuk siang dan malam kian berkurangan di kebanyakan kawasan darat tetapi suhu panas lebih kerap terjadi.
- Sejak tahun 1975, kenaikan paras air laut berlaku secara mendadak di seluruh dunia. Sebanyak 29, 000 pemerhatian data bersiri dan 75 kajian menunjukkan perubahan ketara secara fizikal dan biologi sistem alam secara lebih 89 peratus berhubung kait pemanasan global.
- Pengeluaran gas rumah hijau saling berhubung kait dengan aktiviti manusia yang berkembang sejak zaman industri dengan peningkatan sebanyak 70 peratus pada tahun 1970 hingga tahun 2004.
- Sekiranya perubahan iklim di seluruh dunia melebihi 3.5 darjah celsius ia boleh mengakibatkan 40 hingga 70 peratus spesies kehidupan dunia diancam kepupusan.

Dipetik daripada :  
Akhbar KOSMO, Ahad 16 Mac 2008, halaman 11

## 8 perkara mudah mengurangkan kesan pemanasan global

### 1. Tukar lampu

Ganti lampu biasa dengan lampu kalimantang. Dengan melakukannya anda boleh menjimatkan 150 paun karbon dioksida setahun

### 2. Kurangkan memandu

Amalkan berjalan, mengayuh basikal atau menggunakan pengangkutan awam. Setiap 1.6 kilometer anda tidak memandu, anda dapat menjimatkan satu paun karbon dioksida,

### 3. Banyakkan kitar semula

Anda menjimatkan kira-kira 2 400 paun karbon dioksida setahun dengan mengitar semula separuh daripada sisa buangan anda.

### 4. Periksa tayar

Amalan memastikan kandungan angin dalam tayar kenderaan anda sentiasa mencukupi mampu memperbaiki penggunaan gas sehingga tida peratus lebih jimat. Setiap gelen gas yang menjimatkan pula dapat menjimatkan 20 paun karbon oksida diruang atmosfera.

### 5. Kurangkan penggunaan air panas

Pemanasan air memerlukan banyak tenaga. Oleh itu kurangkan penggunaannya dengan memasang pancuran air beraliran rendah I 350 paun karbon dioksida dapat diijimatkan setahun) dan cuci pakaian menggunakan air sejuk (500 paun karbon dioksida diijimatkan setahun.

### 6. Elakkan membeli produk yang menggunakan banyak pembungkusan

Kira-kira 1 200 paun karbon dioksida dapat diijimatkan jika penghasilan sampah dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus.

### 7. Tanam Tumbuhan

Suatu jenis tumbuhan akan menyerap bertant karbon dioksida sepanjang hayatnya

### 8. Padamkan Peralatan Elektronik

Padam televisyen, pemain DVD, stero dan komputer apabila tidak digunakan. Dengan itu anda dapat menjimatkan ribuan paun karbon dioksida dalam setahun.

Dipetik dan diringkaskan daripada akhbar Utusan Malaysia 19 April 2008, ruangan info, hal.10.

## Bengkel Serantau Penghapusan Secara Berperingkat Penggunaan CFC di dalam “Metered Dose Inhaler” (MDI)

Bengkel Serantau Penghapusan Secara Berperingkat Penggunaan CFC di dalam “Metered Dose Inhaler” (MDI) telah dianjurkan oleh United Nations Environment Programme (UNEP) dengan kerjasama Seksyen Perlindungan Ozon, Jabatan Alam Sekitar. Seramai 97 peserta daripada 22 negara telah menghadiri bengkel ini yang telah diadakan di Holiday Villa Beach Resort & Spa, Pulau Langkawi bermula dari 13 Mac - 15 Mac 2008. Wakil-wakil dari beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media turut hadir.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan halatuju, perancangan dan pelaksanaan strategi peralihan di dalam penghapusan penggunaan CFC MDI. Di bengkel ini, peserta-peserta telah dimaklumkan bahawa dari kajian WHO, 90% kematian di negara berpendapatan rendah dan sederhana adalah disebabkan oleh penyakit asma dan penyakit yang berkaitan pernafasan.



Disebabkan oleh perkara ini, program penghapusan penggunaan CFC MDI haruslah dipercepatkan dan pihak yang terlibat di dalam menguruskan program penghapusan ini haruslah memulakan program-program dan aktiviti-

aktiviti dengan melibatkan kumpulan yang lebih luas serta relevan seperti persatuan perubatan, industri, ahli farmasi dan ahli kimia, doktor, badan perundangan dan pengawalan harga bahan CFC MDI, kerajaan, media serta pesakit sendiri.

## Rattan and Bamboo Seminar

### Towards A Better Policy In Enchancing Rattan & Bamboo Industries in Malaysia

**Tarikh : 25 Mac 2008**

**Lokasi : Best Western Premier Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur**

Seminar ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menyebarkan maklumat berkenaan industri, sumber dan penyelidikan berkenaan rotan dan buluh di Malaysia. Selain itu juga, seminar ini bertujuan untuk mengenalpasti isu dan masalah semasa berkaitan industri ini serta inisiatif dan polisi dalam industri di kalangan pengeluar, penyelidik, ahli akademik, pembuat polisi, pengurusan penanaman, pekebun kecil dan orang persorangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam industri buluh dan rotan. Seramai 14 pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara. Seminar ini telah diadakan selama dua hari bermula dari 25 sehingga 26 Mac 2008. Ketibaan Y.B Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah disambut oleh Datuk Suboh Mohd Yasin, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Sekitar (NRE), Datuk Dr. Hj. Abdul Razak Mohd Ali, Ketua Pengarah FRIM, Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM bersama Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM. Sebaik selesai upacara perasmian, Y.B Menteri telah mengetuai sesi sidang media bersama agensi media tempatan untuk membincangkan perihal potensi rotan dan buluh yang boleh dikomersialkan.



# Tom Jaga Alam!

## Pupuk Kesedaran Alam Sekitar Generasi Muda



Bersempena dengan sambutan Hari Perhutanan Sedunia, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media (Perhubungan Awam) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan satu program 'JOM JAGA ALAM' pada 22 Mac 2008 di Auditorium, FRIM. Upacara perasmian penutup telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Dr Abdul Latif Mohmod. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM.

Program 'JOM JAGA ALAM' merupakan salah satu langkah proaktif untuk mendidik kanak-kanak di bangku sekolah mengenai kepentingan dalam memelihara alam sekitar. Bagi menjayakan program ini, seramai 100 orang murid sekolah rendah dari tiga buah sekolah iaitu SRK Putri Pandan 1, SRJKC Tsun Jin dan SRKT Kg Pandan telah diundang.

Selain itu juga, beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) seperti Zoo Negara, Globalsoft (MSC) Bhd, Jabatan Alam Sekitar Selangor, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), DIGI-CSR (Tasik Chini) dan WWF Malaysia juga turut terlibat didalam menjayakan program ini. Mereka telah bertindak di dalam pameran menerusi aktiviti pemeliharaan hutan dan alam sekitar yang menjadi tajaan masing-masing.

Beberapa aktiviti yang diadakan seperti Green Clues, Art Attack, Picasso Time, Cari - Cari, Kutip-Kutip, Demonstrasi Panjat Pokok, Lawatan Ke Tapak Pameran dan High-5



# Any Carbon Credit, Sir?

By : Jacinta Wong Ngouk Hua

Juruaudit Kanan  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
(NRE), Putrajaya




Recently, a new buzzword has developed in the international area - carbon credit. It is not about being average nor is it about credit worthiness in the eyes of bank. It is something to do with the most fundamental gas I ever studied in school - carbon dioxide. Who could have thought about carbon dioxide going international those days? Who could have thought got to do with the carbon credit then ???

It all started with the phenomena of climate change. True, what I have studied in geography regarding monsoon rain and monsoon months no longer hold that true. There has been a change in a climate, no doubt about it. In fact, climate change has become one of the most critical global challenges of our time. Recent event emphatically demonstrated our growing vulnerability to climate change. Climate change impacts will range from affecting agriculture - further and endangering food security area, sea level rise and the accelerated erosion of coastal zone, increasing intensity of natural disasters, species extinction and spread of vector-bone diseases.

The scientists are blaming the climate change on the change on the changing presence of certain gases in our atmosphere, mainly carbon dioxide, fluorocarbons, methane and nitrous oxide. These gases trap energy from the sun and warm our earth the way a greenhouse does which is why they become known greenhouse gases (GHG). Without these gases, heat would escape back into space and earth's temperature would be 60 degrees F colder.

A rise in temperature that the earth experiences as an effort from the presence of the greenhouse gases is called the greenhouse effect. The greenhouse effect is critical to our well being. Without the natural greenhouse effect, the temperature of earth would be zero degrees F

(-18C) instead of its present 57F (14C). This means that earth would not be warm enough for human to live. As the world scrambled to keep increase of greenhouse gas (GHG) emission under control, various negotiation have been carried out. One such accord is the Kyoto Protocol. The Kyoto Protocol puts a cap on emissions of 6 GHG by industrialized countries to reduce their combined emissions by at least 5% of their 1990 levels by the period 2008-2012.



Carbon credits are the key component of the international or national emission trading schemes. They are means and ways to reduce effects of the greenhouse emissions industrials scale through capping total annual emissions and letting the market assign a monetary value to any shortfall through trading. Credits can be exchanged between businesses or bought or sold in international markets at the prevailing market prices. According to the latest Vital Signs Update from the World watch Institute, growing interest among national and regional governments in curbing carbon emissions has led to rapid expansion of the global carbon market. The growing global carbon market is sparked by two main perceptions; firstly the future will be carbon constrained environment and secondly, we need to be less dependent on fossil fuel.

Worldwide, carbon trading reached a value of \$59.2 billion in 2007, up 80 % over 2006, according to estimated from the market research group Point carbon. The European Union's Emission Trading Scheme (EU-UTS) is the largest carbon market to date, with a trading volume of more than 1 billions of carbon dioxide per year. In 2006, the EU-ETS more than tripled the volume traded during the previous year.


So any carbon credit sir? And... have you given any thought about the survival of mankind?!

## What Is Climate Change ?

Climate change is one of the greatest environmental, social and economic threats facing the planet. The warming of the climate system is unequivocal, as is now evident from observations of increases in global average air and ocean temperatures, widespread melting of snow and ice, and rising global mean sea level. The Earth's average surface temperature has risen by 0.76° C since 1850. Most of the warming that has occurred over the last 50 years is very likely to have been caused by human activities. In its Fourth Assessment Report (AR4), published on 2 February 2007, the Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) projects that, without further action to reduce greenhouse gas emissions, the global average surface temperature is likely to rise by a further 1.8-4.0°C this century.

Even the lower end of this range would take the temperature increase since pre-industrial times above 2°C, the threshold beyond which irreversible and possibly catastrophic changes become far more likely. Projected global warming this century is likely to trigger serious consequences for humanity and other life forms, including a rise in sea

levels of between 18 and 59 cm which will endanger coastal areas and small islands, and a greater frequency and severity of extreme weather events. Human activities that contribute to climate change include in particular the burning of fossil fuels, agriculture and land-use changes like deforestation. These cause emissions of carbon dioxide (CO<sub>2</sub>), the main gas responsible for climate change, as well as of other 'greenhouse' gases. To bring climate change to a halt, global greenhouse gas emissions must be reduced significantly.



**Isu alam sekitar acapkali menarik perhatian masyarakat. Keseimbangan antara keperluan pembangunan dan alam sekitar bukan adalah satu perkara yang baru. Negara-negara maju sudah lama memperkatakannya. Negara-negara membangun sentiasa melaungkan keperluan tersebut. Demikian jua, negara-negara membangun yang sedang berusaha mencapai status negara maju, contohnya, Malaysia, (selaras dengan hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020) tidak terkecuali dari memperjuangkan peri mustahaknya keseimbangan tersebut.**

## **Alam Sekitar Dan Media : Bagai Irama Dan Lagu...**

Dalam konteks ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa media memainkan peranan penting mengasah serta memperkukuhkan lagi perjuangan murni berkenaan. Kita sedia maklum bahawa umumnya terdapat dua kategori media yang utama, yakni media cetak dan media elektronik. Media cetak, antara lain, merangkumi akhbar, majalah, buku kecil, risalah dan poster manakala media elektronik pula mencakupi radio dan televisyen. Dewasa ini, dek pembangunan pesat teknologi maklumat, konsep media turut meliputi media yang berlandaskan teknologi, umpamanya, akhbar online, billboard elektronik, laman web dan media blog.

Media nescaya merupakan outlet yang penting bagi penyebaran maklumat mengenai aktiviti serta program organisasi. Apatah lagi, dalam konteks mencapai matlamat publisiti organisasi berhubung alam sekitar, media pastinya dapat membantu terhadap aspirasi tersebut. Kitab "Effective Public Relations" (2006) oleh sarjana-sarjana dalam bidang perhubungan awam, yakni Cutlip, Center dan Broom, menggariskan betapa pentingnya pengamal perhubungan awam dalam sesebuah organisasi mengamalkan perhubungan berbaik-baik (mutually beneficial relationship) agar aliran maklumat mengenai fungsi, aktiviti dan program/kempen sesebuah organisasi dapat disebarluaskan untuk manfaat pembaca, pendengar dan penonton. Tambahan pula, kerjasama pintar tersebut bukan hanya dapat meningkatkan keyakinan sasaran terhadap integriti organisasi, malah berupaya mendapat pengiktirafan media di samping menjalin perhubungan professional antara organisasi dan media.

Justeru, gandingan antara media - tidak kira media cetak, elektronik mahupun media berasaskan teknologi - dan pelaporan isu alam sekitar, dalam analisis saya, harus merupakan satu perkahwinan yang cukup mantap lagi padu. Sesungguhnya, bagi saya, gandingan ini merupakan satu ikatan dan jalinan yang tidak boleh dijarak-pisahkan. Andainya dipisahkan maka akan berlakulah apa yang pernah didendangkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee:

*"...lagu dan irama tak dapat dipisahkan,  
kalau dipisahkan... jiwa hampa!..."*

Nah, pada hemat saya, demikian jua hubungan antara organisasi yang bertanggungjawab memulihara alam sekitar dan media. Hubungan erat ini hendaklah sentiasa dibaja, dipupuk, dipelihara serta terus dibelai dalam usaha mendapat manfaat bersama serta mempertingkatkan imej positif organisasi. Kempen "Alam Sekitar...Tanggungjawab Anda!",

**Oleh: Dr. Amerjit Singh a/ S. Bhag Singh**  
Ketua Seksyen Perhubungan Awam,  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
(NRE), Putrajaya



sebagai contohnya, yang dilancarkan pada tahun July, 2007 antara lain bertujuan menjana kesedaran berhubung sikap acuh tak acuh dalam pembuangan sampah dan sisa toksik. Kempen ini telah memberi siratan bahawa media, iaitu media cetak dan media elektronik (kerajaan dan swasta) serta internet memang memainkan peranan penting dalam usaha menimbulkan kesedaran sivik dalam usaha memulihara alam sekitar. Kajian keberkesanan kempen ini telah memperlihatkan betapa sesetengah media perlu dipertingkatkan lagi penggunaannya agar dapat mencapai outreach yang lebih meluas. Pada pemerhatian saya, sehubungan dengan peranan media, strategi promosi (publisiti) menerusi goodwill ambassador Maya Karin juga boleh membantu menimbulkan kesedaran, mengubah sikap dan seterusnya menjadi teladan, khususnya di kalangan para pelajar (sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi) dan golongan belia supaya bersikap positif serta mengikis tabiat "tak apa".

Media, antara lain, berperanan menyedarkan sasaran tentang pemuliharaan alam sekitar dan impak strategi pembangunan tertentu ke atasnya. Peranan media adalah amat jelas dari sudut menyediakan laporan tentang pandangan dan soalan-soalan alam sekitar yang diajukan oleh khalayak sasaran. Juga, dalam pemerhatian saya, sama pentingnya ialah perihal kesahihan liputan dan agenda yang mempengaruhi corak liputan. Aspek ini juga harus diberi fokus yang rapi. Ini kerana, kita sedia maklum bahawa media berperanan sebagai "agenda-setter". Peranan ini sudah tentu dapat mempengaruhi fikiran dan pandangan sasaran terhadap bahan (laporan) yang diketengahkan media, lantas membentuk tanggapan tertentu terhadap imej organisasi. Justeru, ini pentingnya organisasi menjalankan pemantauan dan analisis mengenai berita dan laporan yang disiarkan agar tindakan pembedahan dapat dilakukan dengan segera, apabila perlu, dan seterusnya membantu membetulkan salah tanggapan yang berkaitan..

Sesungguhnya peranan media pastinya, akan menjadi semakin penting dalam penyiasatan dan laporan tema-tema yang berkaitan dengan kualiti (pencemaran) udara, kualiti air, sisa toksik dan bahan kimia. Pun begitu, tidak dapat disangkal bahawa media juga bertanggungjawab sosial memaparkan berita dan laporan berbentuk "success stories" organisasi, umpamanya yang melibatkan perancangan guna tanah, biodiversity, sumber hutan, sumber mineral serta usaha-usaha menangani perubahan iklim (pemanasan global). Natiujahnya, usaha perhubungan awam seumpama ini, bukan hanya setakat menaikkan imej organisasi, malah turut menyumbang kepada mengharumkan lagi imej Malaysia dari aspek pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar di peringkat antarabangsa.

Tuhan telah menganugerahkan manusia nikmat akal. Jadi, pertingkatkanlah tanggungjawab kita dalam hubungan manusia dengan pemuliharaan alam sekitar. Seperti yang kita sedia maklum, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9, 2006-2010) dan selaras dengan prinsip kesembilan Islam Hadhari, penjagaan alam sekitar akan terus digalakkan untuk memastikan keseimbangan antara keperluan pembangunan dan alam sekitar dikekalkan. Tidak dapat dinafikan bahawa nilai alam sekitar dalam konteks pembangunan tiada tolok bandingnya. Benar, dahulu, kini dan pada masa hadapan, pertalian antara organisasi yang menguruskan sumber asli serta pemuliharaan alam sekitar dengan pihak media akan terus menjadi adunan yang setia dan kental, sepertimana episode yang dirakamkan dalam Sejarah Melayu (susunan T.S. Lanang), yakni melibatkan perjanjian kesetiaan antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun demi terus menegakkan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka!

# "Mek Bunga"

## Tarikan Baru Muzium Zoologi, Perhilitan

"Mek Bunga" spesimen harimau menjadi tarikan terbaru Muzium Zoologi, Institut Biodiversiti (IBD), bertempat di Bukit Rengit, Lanchang. Koleksi trofi tersebut merupakan seekor harimau betina dewasa (*Panthera Tigris Corbetti*) yang mati pada 19 Mac 2008 yang lalu. Pihak PERHILITAN telah mengambil keputusan untuk mengawet mamalia ini bagi tujuan koleksi muzium dan pameran. Koleksi ini telah dihasilkan dengan kerjasama kakitangan Zoo Melaka, Pejabat PERHILITAN Daerah Segamat dan IBD.



## Jika anda

### Berenang, Snorkel, Skuba, Atau Selam Bebas

Terumbu karang adalah koloni haiwan kecil yang mengambil masa beratus tahun untuk membentuk struktur-struktur yang dapat dilihat pada hari ini. Menyentuh Batu karang untuk melihat rupabentuknya boleh menyebabkan kematian koloni secara menyeluruh. Minyak daripada kulit anda boleh mengganggu membran halus yang berlendir yang melindungi binatang ini daripada penyakit.

#### Jangan berdiri di atas terumbu karang

Jangan berjalan atau berdiri di atas terumbu karang, kerana ini boleh membunuh polip karang yang hidup. Polip merupakan pembina struktur terumbu karang. Pertimbangkan penggunaan alat pengapungan (yang diletakkan di bawah dada) jika anda bukan perenang yang baik dan jangan berdiri di atas terumbu karang untuk membetulkan kedudukan topeng. Berenang dengan baik dan cuba untuk mengelak kemungkinan menendang terumbu karang, mencari satu kawasan berpasir atau tempat cetek yang bebas dari karang untuk berdiri. Jangan menyentuh, mengutip atau memegang hidupan terumbu karang.

#### Lihat, TOLONG jangan sentuh!

Satu kecuaihan boleh memusnahkan keseluruhan komuniti. Terumbu karang adalah nadi utama untuk kehidupan laut yang luas dan yang masih tidak dikenali. Zoothanthellae yang tinggal dalam karang menghasilkan oksigen yang diperlukan untuk karang hidup dan berkembang. Tanpa alga, terumbu karang tidak membesar dan organisma marin tidak akan wujud. Apabila terumbu karang dimusnahkan dengan penggunaan peluntur klorin atau bahan kimia berbahaya yang lain untuk amalan memancing, ia akan membunuh alga dan terumbu karang. Apabila anda memusnahkan karang, kelangsungan kehidupan marin terjejas dan kekayaan hasil kehidupan marin untuk generasi akan datang pudar.

#### Berlabuh

Jika boya penambat tidak didapati, gunakan sauh pasir untuk berlabuh yang diletakkan jauh daripada pembentukan terumbu karang dan dari tempat anda mahu menyelam, kemudiannya membenarkan bot untuk hanyut ke kawasan berhampiran terumbu karang. Sentiasa pastikan sauh selamat di atas pasir sebelum menyelam di terumbu karang. Malah penyelam berpengalaman kadangkala dengan tidak sengaja melanggar atau memecah karang, jadi mereka yang kurang berpengalaman seharusnya lebih berhati-hati

#### Mengelak dari mengganggu hidupan karang

Haiwan karang adalah dengan mudah tertekan dan mengganggu mereka boleh mengganggu pemakanan dan pengawanan mereka.

#### Mengelak dari membuang sampah

Membuang sampah membahayakan hidupan laut dan merosakkan keindahan semulajadi batu karang. Membuang sampah ke dalam tong sampah atau mengambil ia kembali dengan anda.

*\* dipetik dan diringkaskan daripada laman web [www.jtln.gov.my](http://www.jtln.gov.my)*

